

Lampiran 1 Perjanjian Pemasaran Lyconet untuk
Lyconet Marketer Bebas
Versi: 02/2023

LYCONET COMPENSATION PLAN



1. Maklumat Am

Lyconet Marketing Agency Limited dengan pejabat berdaftar di Tingkat 3, 40 Bank Street, London E14 5NR, United Kingdom, bersama dengan anak syarikatnya (kedua-duanya selanjutnya disebut sebagai Lyconet), mengendalikan sebuah Agensi Pemasaran Antarabangsa. Tugasnya adalah untuk menyokong usahawan bebas dalam membina perniagaan yang berjaya.

Lyconet bekerjasama dengan myWorld International Limited dengan pejabat berdaftar di Tingkat 3, 40 Bank Street, London E14 5NR, United Kingdom, yang mengendalikan Benefit Program. Pelanggan yang mengambil bahagian dalam Benefit Program akan mendapat faedah seperti Shopping Points ketika membuat pembelian barang, perkhidmatan, pelancongan, dan lain-lain dari myWorld dan / atau Loyalty Merchantnya.


Untuk memasarkan faedah Benefit Program dengan teratur, myWorld International Limited bekerjasama dengan Lyconet dan usahawan bebas Lyconet - yang disebut sebagai Lyconet Marketer (Marketer). Mereka akan merekrut Loyalty Merchant dan pelanggan baru serta akan mengedarkan atau mengantara Benefit Program tersebut.

Mereka disokong oleh Lyconet dengan pengetahuan yang baik dan menerima pampasan untuk aktiviti Pemasaran dan pengantaraan mereka berdasarkan pembelian dan / atau pesanan yang dibuat (dari Benefit Program).

Tambahan, Marketer dapat memperoleh Marketer baru, yang juga memperoleh pelanggan, Loyalty Merchant dan Marketer baru serta mengedarkan dan mengantara produk dan perkhidmatan dari Benefit Program.

2. Perniagaan Marketer

Melalui pelanggan baru, Loyalty Merchant dan Marketer, seseorang Marketer akan membangunkan sesbuah “Organisasi”.



Organisasi Marketer terdiri daripada semua Marketer, Loyalty Merchant atau pelanggan yang dapat dikaitkan dengannya, serta cadangan mereka.

Untuk aktiviti pemasaran dan mediasi Marketer dalam Organisasinya, Marketer juga akan menerima hasil berdasarkan... pembelian dan / atau pesanan yang dibuat.

3. Pengiraan pendapatan untuk beroperasi sebagai Marketer

Lyconet menyediakan beberapa pilihan kepada Marketer untuk menerima pendapatan bagi aktiviti mereka. Ini dijelaskan dengan lebih terperinci di bahagian berikut.

Pendapatan dikira pada setiap Bulan Pengeluaran (Production Month) masing-masing. Bulan-bulan Pengeluaran ditentukan lebih awal pada setiap tahun dan dapat dilihat di Kawasan Muat turun di bawah "Tarikh Pengeluaran" (Production Dates) setelah log masuk di www.lyconet.com. Bulan Pengeluaran terdiri daripada 4 atau 5 Minggu Pengeluaran, yang selalu berlangsung dari hari Rabu hingga Selasa.

4. Pendapatan berdasarkan jumlah pembelian / Marketing Bonus

Setiap Marketer menerima pendapatan berdasarkan jumlah pembelian pelanggan (peribadi) mereka:

Sebagai pampasan untuk aktiviti pemasaran dan mediasinya, seorang Marketer akan mendapat imbuhan dari semua pembelian dan pesanan yang dibuat oleh pelanggannya di myWorld dan Loyalty Merchants. Untuk pembelian dan pesanan ini, Marketer akan menerima Marketing Bonus sekali pada setiap Bulan Pengeluaran, setinggi 1% Marketing Bonus daripada jumlah pembelian pelanggan secara amnya. Walau bagaimanapun, untuk produk-produk tertentu, Marketing Bonus yang berlainan mungkin berlaku.

Sekiranya Marketer adalah ahli Benefit Program sendiri, dia juga akan menerima Marketing Bonus sehingga 1% untuk pembelian dan pesanannya sendiri yang dibuat dalam Benefit Program.

5. Pendapatan berdasarkan Career Points secara keseluruhan / Career Bonus & Career Commission

Setiap Marketer menerima pendapatan berdasarkan jumlah pembelian daripada Organisasinya:

Asas untuk pendapatan ini adalah dipanggil sebagai Career Point. Ini dijana sebaik sahaja pembelian dalam Benefit Program dibuat dalam Organisasi Marketers. Jumlah Career Points yang diberikan untuk pembelian di myWorld atau di Loyalty Merchant masing-masing boleh dilihat selepas log masuk di www.lyconet.com dan bergantung kepada syarat yang myWorld telah dipersetujui dengan Loyalty Merchant atau produk, pelancongan dan perkhidmatan yang myWorld tawarkan sendiri.

Tambahan pula, Marketer menerima Career Points atas pembelian atau pesanan sendiri atau Marketers dalam organisasinya untuk produk atau perkhidmatan yang ditetapkan selain daripada Benefit Program.

Berdasarkan jumlah Career Points yang dihasilkan dalam Organisasi Marketer pada Bulan Pengeluaran, Marketer boleh mencapai Tahap Kerjaya (Career Level).



Marketer akan menerima pendapatan bulanan berikut apabila mencapai suatu Tahap Kerjaya :

1. Bonus Kerjaya (Career Bonus)
2. Komisyen Kerjaya (Career Commission)

Tahap Kerjaya(Career Level) yang dicapai oleh Marketer membentuk asas pengiraan untuk Career Commission dan juga Career Bonus.

Selain itu, Marketer juga menerima Status Premium Marketer apabila beliau pertama kali mencapai Tahap Kerjaya. Status ini ditetapkan sepanjang tempoh Perjanjian Pemasaran Lyconet, walaupun Marketer tidak lagi berada di Tahap Kerjaya.

5.1. Mencapai Tahap Kerjaya

Untuk mencapai Tahap Kerjaya tertentu, Marketer mesti memenuhi **kedua-dua** syarat berikut:

Syarat 1:

Bersama dengan Organisasinya, Marketer mesti menjana jumlah bilangan Career Points diperlukan (seperti yang ditunjukkan dalam jadual berikut) dalam Bulan Pengeluaran. Semua Career Points yang dijana dalam Bulan Pengeluaran adalah dikira.

Syarat 2:

Bersama dengan Organisasinya, Marketer mesti menjana bilangan minimum Career Points untuk semua Lines*, seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah. Career Points mesti berpunca daripada sekurang-kurangnya 3 Lines dan hanya bilangan maksimum Career Points yang ditunjukkan dalam jadual di bawah akan dikira untuk setiap Lines. Career Points yang dijana daripada pembelian dan pesanan Marketer sendiri (Career Points peribadi) tidak akan dikira bagi syarat 2.

Syarat 1	
Tahap Kerjaya	Jumlah Career Points
1	600
2	1,600
3	6,000
4	20,000
5	50,000
6	200,000
7	500,000
8	1,250,000

Syarat 2			
Bilangan minimum Career Points dari semua Lines	Bilangan maksimum Career Points dikira dari setiap Line		
	Line 1	Line 2	Line 3
300	100	100	100
900	300	300	300
3,000	1,000	1,000	1,000
9,000	3,000	3,000	3,000
30,000	10,000	10,000	10,000
90,000	30,000	30,000	30,000
300,000	100,000	100,000	100,000
900,000	300,000	300,000	300,000

* Line dalam Organisasasi Marketer dibentuk secara langsung oleh setiap Marketer yang disyorkan dan Organisasinya.

Bonus Lines

Sebagai tambahan kepada {Lines} yang terhasil daripada Organisasi Marketer, setiap Marketer mempunyai 3 Bonus Lines yang berasingan. Semua Career Points dijana melalui pembelian dan pesanan yang dibuat oleh pelanggan Marketer, akan diagihkan secara rata pada 3 Bonus Lines ini. Career Points tambahan, yang juga akan dibahagikan secara rata antara Bonus Lines ini, akan dipaparkan secara berasingan. Bilangan maksimum Career Points dikira setiap Lines (seperti yang ditunjukkan dalam jadual) tidak berdasarkan kepada 3 {Bonus Lines}.

Contoh 1:

Seorang Marketer kini berada dalam Career Level 1 dan ingin mencapai Career Level 2. Pada Bulan Pengeluaran semasa, beliau dan Organisasinya telah menjana sejumlah 1,630 Career Points yang diedarkan seperti berikut:

Jumlah Career Point (Syarat 1)

Bonus Line 1	Bonus Line 2	Bonus Line 3	Line 1	Line 2	Line 3	Line 4	Line 5	Line Tambahan	Career Points Peribadi	Jumlah (dijana/diperlukan)	
100	100	100	850	200	150	50	0	0	80	1,630/1,600	✓

Marketer telah menjana jumlah bilangan Career Points yang diperlukan dan oleh itu memenuhi kelayakan pertama untuk Career Level 2.

Career Points Terkira (Syarat 2)

Bonus Line 1	Bonus Line 2	Bonus Line 3	Line 1	Line 2	Line 3	Line 4	Line 5	Line Tambahan	Career Points Peribadi	Jumlah (dijana/diperlukan)	
100	100	100	300	200	150	50	0	0	0	1,000/900	✓

Bilangan minimum Career Points yang diperlukan telah dihasilkan di semua Lines Marketer. Oleh itu, Marketer juga telah memenuhi syarat kedua dan dengan itu mencapai Tahap Kerjaya 2.

Contoh 2:

Seorang Marketer kini berada di Career Level 2 dan ingin mencapai Career Level 3. Pada Bulan Pengeluaran semasa, dia dan organisasinya telah menghasilkan sejumlah 6,800 Career Points. Ianya diedarkan seperti berikut:

Jumlah Career Points (Syarat 1)

Bonus Line 1	Bonus Line 2	Bonus Line 3	Line 1	Line 2	Line 3	Line 4	Line 5	Line Tambahan	Career Points Peribadi	Jumlah (dijana/diperlukan)	
210	210	210	3,700	2,000	150	100	20	0	200	6,800/6,000	✓

Marketer telah menghasilkan jumlah Career Points yang diperlukan dan memenuhi syarat pertama untuk Career Level 3.

Career Point Terkira (Syarat 2)

Bonus Line 1	Bonus Line 2	Bonus Line 3	Line 1	Line 2	Line 3	Line 4	Line 5	Line Tambahan	Career Points Peribadi	Jumlah (dijana/diperlukan)	
210	210	210	1,000	1,000	150	100	20	0	0	2,900/3,000	X

Marketer tidak memenuhi syarat kedua. Oleh itu, tidak mencapai Career Level 3. Untuk memenuhi syarat kedua, „Line“ Marketer perlu menghasilkan 100 Career Points tambahan (kecuali Career Points dari Line 1 dan 2, di mana jumlah maksimum Career Points yang diambil kira telah pun tercapai).

Contoh 3:

Seorang Marketer kini berada di Career Level 1 dan ingin mencapai Career Level 2. Pada Bulan Pengeluaran semasa, dia telah menghasilkan sejumlah 1,600 Career Points melalui Bonus Lines serta pembelian dan pesanan peribadinya. Ini diedarkan seperti berikut:

Jumlah Career Points (Syarat 1)

Bonus Line 1	Bonus Line 2	Bonus Line 3	Line 1	Line 2	Line 3	Line 4	Line 5	Line Tambahan	Career Points Peribadi	Jumlah (dijana/diperlukan)	
500	500	500	0	0	0	0	0	0	100	1,600/1,600	✓

Marketer telah menghasilkan jumlah Career Points yang diperlukan dan memenuhi syarat pertama untuk Career Level 2.

Career Points Terkira (Syarat 2)


Bonus Line 1	Bonus Line 2	Bonus Line 3	Line 1	Line 2	Line 3	Line 4	Line 5	Line Tambahan	Career Points Peribadi	Jumlah (dijana/diperlukan)	
500	500	500	0	0	0	0	0	0	0	1,500/900	✓

Bilangan minimum Career Points yang diperlukan telah dihasilkan di Bonus Lines Marketer. Oleh itu, Marketer juga telah memenuhi syarat kedua dan mencapai Career Level 2.

Mengesahkan Tahap Kerjaya (Career Level)

Sekiranya Marketer telah menghasilkan bilangan Career Points yang diperlukan untuk Tahap Kerjaya tertentu dalam Bulan Pengeluaran, Tahap Kerjaya akan disahkan secara automatik.

Sekiranya seorang Marketer mengesahkan Tahap Kerjaya, ianya dijamin untuk 6 Bulan Pengeluaran seterusnya. Sekiranya Marketer gagal mengesahkan lagi Tahap Kerjaya dalam tempoh 6 Bulan Pengeluaran ini, Tahap Kerjaya di bawah dijamin selama 6 Bulan Pengeluaran yang selanjutnya.



5.2. Bonus Kerjaya (Career Bonus)

Untuk setiap Bulan Pengeluaran **di mana Marketer mengesahkan atau memperoleh Tahap Kerjaya**, dia berhak mendapat Bonus Kerjaya untuk Tahap Kerjaya tersebut. Nilai Bonus Kerjaya boleh didapati dalam jadual di bawah.

Bonus Kerjaya setiap Tahap								
Tahap Kerjaya	1	2	3	4	5	6	7	8
Bonus Kerjaya	MYR 230	MYR 920	MYR 2,300	MYR 5,520	MYR 13,800	MYR 36,800	MYR 92,000	MYR 230,000

5.3. Komisyen Kerjaya (Career Commission)

Untuk setiap Bulan Pengeluaran **di mana Marketer mengesahkan atau memperoleh Tahap Kerjaya**, dia berhak mendapat Komisen Kerjaya untuk Tahap Kerjaya yang sesuai. Pengiraannya dibuat berdasarkan kesemua Career Points dalam Organisasi Marketer dan juga Career Points dari pembelian dan/atau pesanan peribadinya. Nilai Komisen Kerjaya bagi setiap Career Points boleh didapati dalam jadual di bawah.

Komisen Kerjaya setiap Tahap								
Tahap Kerjaya	1	2	3	4	5	6	7	8
Komisen Kerjaya bagi setiap Career Points	MYR 0.1150	MYR 0.1495	MYR 0.1725	MYR 0.1955	MYR 0.2185	MYR 0.2415	MYR 0.2645	MYR 0.2875

Kesemua Career Points daripada pembelian dan/atau pesanan yang dibuat oleh Marketer, pelanggan Marketer dan semua Marketer dalam Organisasinya yang tidak mempunyai Tahap Kerjaya serta pelanggan mereka, digandakan dengan faktor penuh yang berlaku untuk Tahap Kerjaya yang disahkan untuk Marketer (Komisyen Kerjaya digandakan dengan jumlah Career Points).

Career Points daripada pembelian dan/atau pesanan Marketers daripada Line langsung yang telah mengesahkan atau memperoleh Tahap Kerjaya serta daripada Organisasi mereka didarabkan dengan faktor yang dikurangkan (perbezaan antara dua Tahap Kerjaya). Faktor Tahap Kerjaya yang lebih rendah ditolak daripada faktor Tahap Kerjaya yang lebih tinggi.

Contoh:

Seorang Marketer telah mengesahkan Career Level 6. Salah seorang Marketer yang disyorkannya telah mengesahkan Career Level 4 dalam Bulan Pengeluaran yang sama. Career Points daripada Line terus ini hanya akan diberi imbuhan kepada Marketer yang berada di Career Level dalam jumlah MYR 0.046 setiap Career Point. MYR 0.046 ini adalah perbezaan antara Career Commission untuk Career Level 6 yang telah dicapainya dan Career Commission untuk Career Level Marketer-nya

6. Pembayaran pendapatan

Pendapatan yang Marketer berhak akan terkumpul dan dipindahkan ke akaun bank yang ditentukan oleh Marketer sebaik sahaja Marketer mempunyai sekurang-kurangnya **5 pelanggan aktif*** pada bila-bila masa dan jumlah minimum yang dinyatakan semasa pendaftaran Lyconet telah dicapai.

Lyconet berhak mengubah jumlah minimum ini pada bila-bila masa. Jumlah minimum yang terpakai pada masa ini serta tarikh pembayaran untuk pendapatan Production Month boleh dilihat selepas log masuk di www.lyconet.com (yang terakhir boleh didapati di Kawasan Muat Turun di bawah "Production Dates").

Sekiranya Lyconet menawarkan kaedah alternatif kepada Marketer untuk menerima pendapatannya (selain pindahan ke akaun banknya), kaedah ini akan dipaparkan di www.lyconet.com. Dalam kes ini, Marketer dapat membuat pilihan yang diinginkan dalam profil peribadinya.

* Pelanggan aktif adalah Ahli Benefit Program dalam Organisasi Marketer sehingga Marketer berikutnya, yang belum menandatangani Perjanjian Pemasaran Lyconet dan oleh itu bukan seorang Marketer dan juga telah berbelanja sekurang-kurangnya MYR 40 di myWorld dan/atau di Loyalty Merchant. Marketer yang disyorkan secara langsung serta Loyalty Merchant yang disyorkan secara langsung yang juga Anggota Benefit Program dikira sebagai pelanggan aktif jika mereka telah berbelanja sekurang-kurangnya MYR 40 di myWorld dan/atau Loyalty Merchant.